

## Lapan emas golf Ionjak UUM

Oleh **Izzali Ismail** - September 10, 2024 @ 2:31pm  
[bhsukan@bh.com.my](mailto:bhsukan@bh.com.my)



Universiti Utara Malaysia (UUM) mengutip lapan pingat emas dalam acara golf SUKIPT 2024 di Kelab Golf Sultan Sallehuddin UUM, semalam. NSTP/IZZALI ISMAIL

**SINTOK:** Universiti Utara Malaysia (UUM) melonjak dari tangga ke-26 ke kedudukan ketiga pungutan pingat temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024 semalam.

UUM menyapu bersih lapan emas dalam acara golf di Kelab Golf Sultan Sallehuddin bagi kategori individu gross lelaki, individu gross wanita, individu nett lelaki, individu nett wanita, berpasukan gross lelaki, berpasukan nett lelaki, berpasukan nett wanita dan berpasangan gross wanita.

Mereka turut meraih dua pingat perak dan tujuh gangsa menjadikan jumlah keseluruhan 17, sekali gus melebihi sasaran ditetapkan sebanyak 15 pingat.

UUM turut meraih pingat gangsa pada hari ketiga menerusi sukan taekwando, boling padang dan petanque.

Kemenangan itu menjadi sejarah manis buat UUM kerana turut menyambut ulang tahun ke-40 dan membuktikan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) betapa pemilihan UUM sebagai Pusat Kecemerlangan Sukan Golf sangat bertepatan.

Setakat semalam, Politeknik Malaysia menduduki tangga pertama dengan 19 emas, sembilan perak dan tujuh gangsa.

Ia diikuti Universiti Teknologi MARA dengan 16 emas, lapan perak dan 12 gangsa manakala Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) keempat dengan tujuh emas, lima perak dan tujuh gangsa.

Dalam pada itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) turut menawarkan hadiah wang tunai RM20,000 bagi atlet yang berjaya memecah rekod kebangsaan tanpa mengira apa jenis acara sukan.

Temasya dwitahunan itu menghimpunkan 74 kontinjen dari universiti awam, swasta, politeknik dan kolej komuniti serta Institut Pendidikan Guru (IPG) dari seluruh negara bagi merebut 231 pingat emas.